

**HUBUNGKAIT PATUH-SYARIAH DENGAN KONSEP KEBERKATAN:
 TINJAUAN DALAM KONTEKS STANDARD HALAL MS 1900**

*The Relationship between Shariah-Compliance and the Concept of Barakah: An
 Overview within the Context of MS 1900 Halal Standard*

Muhammad Hisyam Mohamad¹ & Fadillah Mansor²

¹ Pelajar PhD, Jabatan Syariah & Pengurusan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya/ Fellow, Institut Kefahaman Islam Malaysia. Penulis pengantara, hisyam@ikim.gov.my

²Pensyarah Kanan, Jabatan Syariah & Pengurusan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. fadillah@um.edu.my

Article Progress

Received: 5 Oktober 2018

Revised: 10 November 2018

Accepted: 18 December 2019

Abstrak	Abstract
<p>Asas kepada standard halal ialah konsep patuh-syariah. Standard halal merupakan dokumen rujukan penting kepada mana-mana institusi yang ingin mendapatkan pensijilan halal. Standard ini menjelaskan keperluan, spesifikasi, garis-panduan serta ciri-ciri yang secara konsisten boleh diguna bagi memastikan kualiti sesuatu bahan, produk, proses atau perkhidmatan secara munasabah mampu memenuhi tujuan ia diwujudkan/dihasilkan dan mematuhi syariah. Di dalam Al-Quran, Allah SWT menjanjikan keberkatan daripada langit kepada mana-mana komuniti yang patuh kepada syariat-Nya. Dengan melihat janji-janji Allah SWT di dalam al-Quran kepada golongan yang patuh kepada perintah-Nya, kajian ini secara konseptual cuba menyelidik hubung kait konsep barakah – yang terhasil daripada kepatuhan kepada perintah Allah SWT – dengan manfaat-manfaat yang bakal diperolehi oleh organisasi yang menggunakan standard halal MS 1900 di dalam urusan operasi hariannya.</p> <p>Kata kunci: Patuh-syariah, berkat, standard halal.</p>	<p>The basis for halal standard is the concept of shariah-compliance. The standard is an important reference document for any institution that wants to obtain halal certification. It provides requirements, specifications, guidelines and features that can be consistently used to ensure the quality of materials, products, processes or services are reasonably fit for their purpose and conform to shariah. In the Qur'an, Allah SWT had promised blessings from heaven to any community that is rule-compliant and law-abiding to His Will. By using the promises that Allah SWT had made in the Qur'an to those who obey His commandments, this conceptual study seeks to investigate the link between the concept of barakah – which is the derivative outcome of syariah compliance – with the benefits gained by organisations which adopt MS 1900 halal standard into their daily work routines.</p> <p>Keywords: Shariah compliance, barakah, halal standard.</p>

PENDAHULUAN

Kepatuhan kepada peraturan dan garis panduan yang tertentu yang diguna pakai ini adalah sangat penting bagi mana-mana institusi kerana ia boleh menjamin kelangsungannya di dalam ekosistem yang dihuninya. Sebaliknya pula ketidakpatuhan terhadap peraturan dan pelanggaran polisi boleh mengundang risiko kepada institusi terbabit.

Justeru menjadi satu amalan biasa bagi mana-mana institusi atau organisasi, sama ada ia berstatus global atau lokal; berorientasi keuntungan atau tidak; bertaraf syarikat ataupun badan sukarela, untuk mempunyai satu set peraturan atau garis panduan yang diikuti dan dipatuhi.

Terdapat pelbagai pendekatan yang diambil oleh institusi untuk memastikan aspek kepatuhan dapat diamalkan oleh warga kerjanya dan dipantau secara konsisten oleh pihak pengurusan. Antara pendekatan tersebut ialah menerusi pensijilan standard industri yang dikeluarkan oleh badan-badan pensijilan seperti International Organization for Standardization (ISO) (sila rujuk Muhammad Hisyam, 2016:236).

Di Malaysia, selain daripada standard-standard industri yang dikeluarkan oleh ISO, negara juga menerusi Jabatan Standard Malaysia (JSM) mempunyai standard-standard halal yang mengintegrasikan elemen-elemen Syariah sebagai keperluan pensijilannya. Dengan kata lain, mana-mana institusi yang ingin mendapatkan pensijilan halal perlu mematuhi aspek-aspek Syariah yang digariskan oleh dokumen standard ini.

Oleh itu, fokus dalam artikel ini bertumpu kepada konsep pematuhan kepada Syariah yang dilihat dapat/boleh menghasilkan banyak kesan positif kepada prestasi organisasi. Di dalam al-Quran ayat-ayat yang berkaitan dengan kepatuhan kepada suruhan Allah SWT adalah ditujukan kepada individu dan juga komuniti. Memandangkan soal kepatuhan individu dan masyarakat dari segi pelaksanaan suruhan agama ada hubungkait dengan soal keberkatan, jadi secara analogi sekiranya sesebuah syarikat atau organisasi itu patuh Syariah, maka ia juga akan beroleh keberkatan dalam pelbagai aspek yang disasarkannya.

Sama seperti individu, bagi memperoleh keberkatan pra syarat utama yang perlu diikuti oleh organisasi ialah kepatuhan kepada Syariah dan ajaran Islam. Dalam hal ini, jika sesebuah organisasi itu inginkan keberkatan dalam setiap objektif yang disasarkan, pihak pengurusan serta warga kerjanya perlulah memastikan sistem pengurusan dan pentadbiran yang digunapakai adalah berpandukan kepada Syariah.

Bagi memudahkan perbandingan dan analogi yang dibuat, kajian konseptual ini menggunakan Standard Halal MS 1900:2015 *Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan Syariah-Keperluan Bersama Panduan (Semakan Pertama)* sebagai sumber patuh Syariah. Pada masa yang sama, manfaat-manfaat yang diperolehi oleh organisasi-organisasi yang telah memperoleh standard persijilan ini turut diambilkira.

PATUH SYARIAH DAN KEBERKATAN

Patuh Syariah

Dalam pendahuluan kepada kitab *al-MuwÉfaqÉt*, al-ShÉtibî telah menyatakan bahawa setiap ilmu Syariah merupakan wasilah pengabdian hamba kepada Allah SWT. Pengabdian (تعبد) dari segi bahasa merujuk kepada penyembahan atau penumpuan yang tidak berbelah bahagi kepada melaksanakan tanggungjawab terhadap tuhan atau tanggungjawab agama. Hal ini adalah jelas bagi umat Islam kerana percaya dan patuh kepada perintah Allah SWT merupakan sebahagian daripada aqidah. Seterusnya apabila mereka melaksanakan suruhan ini maka ia akan menjadi satu bentuk ibadat.

Firman Allah SWT di dalam surah al-NisÉ':

فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّىٰ يُحَكِّمُوكَ فِي مَا شَجَرَ
بَيْنَهُمْ ثُمَّ لَا يَجِدُوا فِي أَنفُسِهِمْ حَرَجًا مِّمَّا قَضَيْتَ
وَيُسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٦٥﴾

Terjemahan: Maka demi Tuhanmu (wahai Muhammad)! Mereka tidak disifatkan beriman sehingga mereka menjadikan engkau hakim dalam mana-mana perselisihan yang timbul di antara mereka, kemudian mereka pula tidak merasa di hati mereka sesuatu keberatan dari apa yang telah engkau hukumkan, dan mereka menerima keputusan itu dengan sepenuhnya. (Al-NisÉ', 4:65)

Daripada pengertian dari segi bahasa yang dinyatakan serta maksud ayat di atas ini, kita dapat menyimpulkan bahawa secara keseluruhan pengabdian merujuk kepada satu bentuk kepatuhan dan penyerahan kepada perintah *SyÉriÑ* semata-mata di mana pengabdian dan kepatuhan dilakukan tanpa ragu-ragu dan tanpa mempersoalkan rasional di sebalik suruhan atau arahan tadi.

Sejarah awal Islam telah menukilkan bahawa pada zaman Rasulullah SAW, apabila Allah SWT menurunkan sesuatu arahan atau hukum tertentu, para sahabat akan mematuhi dan melaksanakannya tanpa ragu-ragu atau banyak soal. Sikap kepatuhan para sahabat ini kepada suruhan Allah SWT dapat dilihat menerusi banyak peristiwa. Antaranya semasa ayat pengharaman arak iaitu ayat ke-90 dan 91 di dalam surah al-Ma'idah diturunkan, orang Islam terus berhenti daripada meminum arak walaupun pada ketika itu meminum arak ini merupakan satu tabiat biasa dalam kehidupan mereka. Bahkan diriwayatkan apabila pengharaman ini diisytiharkan, jalan-jalan di Madinah penuh dengan arak-arak yang dibuang oleh penduduknya pada masa tersebut.

Inilah juga yang terjadi pada zaman Rasulullah SAW apabila perintah berhijab diturunkan oleh Allah SWT di mana kaum Muslimat pada masa tersebut terus mematuhi arahan ini tanpa ragu-ragu. Hal ini telah ceritakan oleh ÑAishah RA menerusi satu hadis berikut yang diriwayatkan oleh Abu DĒwĒd:

Diriwayatkan oleh Ibn SyihĒb daripada Urwah ibn al-Zubair bahawa ÑAisyah raĒiyallahu Ñanha berkata: Semoga Allah merahmati para wanita muhĒjirĒt pertama, tatkala Allah menurunkan ayat “Dan hendaklah mereka menutupkan kain tudung ke dada mereka”, lalu mereka mengoyak muruth (kain-kain mereka yang tebal) kemudian mereka berikhtimar (iaitu menutup wajah mereka) dengan kain itu. (Abu DĒwĒd, KitĒb al-LibĒs, Bab fi Qauli Allah TaÑala wal yadribna bi khumurihinna ala juyubuhinna, hadith no. 4102).

Malah pengabdian ini juga merupakan matlamat pengutusan para rasul Ñalaihimi al-salĒm dan penurunan syariat ilahi yang dapat diperhati menerusi beberapa firman Allah SWT yang berikut:

i. Surah al-NisĒ':

يٰۤاَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِّنْ نَّفْسٍ
وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً
وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ
رَقِيبًا ۝١

Terjemahan: Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya - Hawa), dan juga yang membiakkan dari keduanya - zuriat keturunan - lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-yebut namaNya, serta peliharalah hubungan (silaturrahim) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu. (Al-NisĒ', 4:1)

ii. Surah HĒd :

الرَّ كِتَابٌ أُحْكِمَتْ آيَاتُهُ ثُمَّ فُصِّلَتْ مِنْ لَدُنْ حَكِيمٍ خَبِيرٍ ۝١
أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا اللَّهَ إِنَّنِي لَكُم مِّنْهُ نَذِيرٌ وَبَشِيرٌ ۝٢

AlÊf, LÊm, RÊ'. Al-Quran sebuah Kitab yang tersusun ayat-ayatnya dengan tetap teguh, kemudian dijelaskan pula kandungannya satu persatu. (Susunan dan penjelasan itu) adalah dari sisi Allah Yang Maha Bijaksana, lagi Maha Mendalam pengetahuannya. (Al-Quran yang demikian sifatnya diturunkan oleh Allah) supaya janganlah kamu menyembah sesuatupun melainkan Allah. (Katakanlah wahai Muhammad): "Sesungguhnya aku diutus oleh Allah kepada kamu, sebagai pemberi amaran (kepada orang-orang yang (ingkar), dan pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang (beriman)). (HÊd, 11:1-2)

iii. Surah Al-AnbiyÊ':

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ مِنْ رَسُولٍ إِلَّا نُوحِيْٓ إِلَيْهِ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا
أَنَا فَاعْبُدُونِ ﴿٢٥﴾

Terjemahan: Dan Kami tidak mengutus sebelumnya (wahai Muhammad) seseorang Rasul pun melainkan Kami wahyukan kepadanya: "Bahawa sesungguhnya tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Aku; oleh itu, beribadatlah kamu kepadaKu". (Al-AnbiyÊ' 21:25)

Walaupun ayat-ayat supaya bertaqwa, beribadat dan pengabdian kepada Allah SWT secara zahirnya berbentuk arahan semata-mata, ini tidak bermaksud kepatuhan kepada arahan-arahan ini tidak mendatangkan apa-apa kebaikan kepada manusia itu sendiri. Apa yang pasti tiada sesuatu pun yang dinyatakan di dalam Syariah tidak menghasilkan kebaikan kepada manusia jika mereka mematuhi.

Jika kepatuhan itu tidak mendatangkan kebaikan, sudah tentu para *ÊahÊbah* serta *tÊbiÑÊn* dan pengikut-pengikut mereka tidak membahas dan membincang ilmu-ilmu Syariah dengan panjang lebar kerana ia bukan satu keperluan. Akan tetapi mereka melakukan kajian dan perbincangan kerana mereka tahu ada hikmah dan kemaslahatan di sebalik perintah-perintah Allah SWT.

Berkat

Kamus Dewan (DBP, 2005) mendefinisikan berkat sebagai rahmat, restu atau sempena. Perkataan ini juga memberi maksud sebagai hasil (manfaat dan sebagainya) daripada, sebagai hasil (manfaat dan sebagainya) daripada. Manakala Kamus Melayu Inggeris Dewan (DBP, 2012) pula memberi maksud yang lebih kurang sama dengan penjelasan yang diberikan oleh Kamus Dewan. Namun penerangan yang diberikan oleh Kamus Melayu Inggeris Dewan ini lebih jelas. Menurut kamus ini berkat merupakan kurnia atau rahmat Allah SWT yang mendatangkan kebaikan kepada kehidupan manusia. Ia juga merujuk kepada hasil, manfaat atau balasan yang diperoleh daripada usaha atau kebaikan yang dilakukan.

Perkataan berkat ini sebenarnya berasal daripada perkataan Arab “*barakah*” di mana kata kerjanya ialah *baraka* (برك). Ibn ManḌĒr (1955, 10:395) mendefinisikan *barakah* ini sebagai pertumbuhan dan pertambahan.

Selain membawa maksud pertumbuhan dan pertambahan, *barakah* juga boleh diertikan sebagai kebahagiaan yang berkekalan. Pengertian *barakah* sebagai kebahagiaan ini boleh dirujuk kepada bacaan tasyahhud semasa solat di mana ia berasal daripada dialog antara Yang Maha Pencipta dengan Nabi SAW semasa IsrĒ’ dan MiŃrĒj iaitu: “Segala ucapan selamat, keberkatan, *ĪlawĒt*, dan kebaikan adalah bagi Allah. Salam kesejahteraan atasmu wahai Nabi berserta rahmat Allah keberkatanNya”.

Memandangkan keberkatan itu hanya milik Allah SWT, maka sesiapa yang diberi kebahagiaan sebagaimana kebahagiaan yang diberikan Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW, sesungguhnya dia telah mendapat kebahagiaan yang berkekalan.

Begitu juga dengan lanjutan dalam tasyahhud akhir di mana antara lain bacaannya yng bermaksud: “Berkatilah Muhammad dan keluarganya sebagaimana Kau telah berkati Ibrahim dan keluarganya”. Dalam bacaan ini sebenarnya kita memohon agar Allah SWT menetap dan mengekalkan keberkatan yang berupa kemuliaan dan keutamaan yang Dia kurniakan kepada Nabi SAW (Ibn ManḌĒr, 10:396).

Menurut Ibn ŃAbbas pula (Ibn ManḌĒr, 10:396), *barakah* merujuk kepada “*al-kathrah fi kulli al-khair*” iaitu kebaikan yang banyak pada sesuatu perkara atau benda. Penjelasan Ibn ŃAbbas tentang *barakah* ini turut dikongsi oleh Al-Qurtubi di mana di dalam *al-JĒmiŃ li AhkĒm al-Qur’Ēn* beliau mentakrifkan *barakah* sebagai “*kathrah a-khair wa ziyĒdatuh*” yakni banyak dan bertambahnya kebaikan (Atikullah, 2014:143)

Al-RĒghib al-IsfahĒni (t.t, 56) pula mentakrifkan *barakah* sebagai “*thubĒt al-khair al-ilĒhi fi al-syai*” atau kekal kebaikan Allah SWT ke atas sesuatu perkara. Memandangkan kebaikan yang dikurniakan oleh Allah SWT ini datang dari punca yang tidak dapat diduga, dan ia tidak dapat dikira atau terhad; maka apa-apa yang ada padanya *barakah* akan bertambah tanpa disedari maka ia dikatakan sebagai sesuatu yang diberkati (*mubĒrak*) dan ada keberkatan (*barakah*) padanya. Contoh mudah bagi menjelaskan takrifan ini ialah hal yang berkaitan dengan sedekah di mana harta tidak akan berkurangan disebabkan oleh sedekah. Malah disebabkan oleh sedekah, Allah SWT akan memberi keberkatan dalam bentuk pertambahan dan gandaan pahala serta rezeki sepertimana firman-Nya menerusi ayat ke-39 dalam surah Saba’ dan ayat ke-245 dalam surah al-Baqarah; serta hadis riwayat Muslim di mana Rasulullah SAW telah menegaskan bahawa amalan sedekah tidak akan mengurangkan harta.

Jika dilihat pandangan-pandangan yang diutarakan oleh Ibn ManḌĒr, Ibn ŃAbbas, al-Qurtubi mahupun al-RĒghib al-IsfahĒni, keberkatan atau *barakah* ini mempunyai ciri-ciri tertentu iaitu ia bersifat tetap, kekal dan pasti. Malah inilah juga ciri-ciri yang dijelaskan oleh Ibn Qayyim berdasarkan pemerhatian beliau ke atas

konsep *barakah* (Atikullah, 2014:144). Justeru, jika seseorang itu beroleh *barakah*, maka dia sebenarnya memperoleh kebaikan atau kebahagiaan yang berkekalan dan sentiasa bertambah.

Di dalam al-Quran terdapat 32 tempat di mana perkataan "*baraka*" dan terbitannya seperti *bÉraka*, *bÉrakna*, *bÉrika*, *tabÉraka*, *barakÉt*, *barakatuh*, *mubarak*, *mubÉrakan* dan *mubÉrakatan* disebut oleh Allah SWT dalam konteks yang berbeza (Serdar & Hikmatullah, 2015:269). Antara konteks-konteks yang dikaitkan dengan *barakah* ialah rezeki (Fussilat, 41:10); tempat (al-AÑrÉf, 7:137; al-Isra', 17:1; al-AnbiyÉ', 21:71, 81); Yang Maha Memberkati Diri-Nya (*self-blessed*) (al- AÑrÉf, 7:54; al-Mu'minÉn, 23:14; al-FurqÉn, 25:1, 10, 51; GhÉfir, 40:64); keluarga atau keturunan (HÉd, 11:73); Qur'an dan zikir (al-AnÑÉm, 6:92, 155; al-AnbiyÉ', 21:50; ØÉd, 38:29); masa (al-DukhÉn, 44:10); hujan (QÉf, 50:9); pokok (al-NÉr, 24:35); ucapan salam (al-NÉr, 24:61); individu tertentu (Maryam, 19:31; al-ØÉffÉt, 37:113; al-Naml, 27:8) dan keberkatan dalam bentuk umum (al-AÑrÉf, 7:96)

Di sini boleh disimpulkan bahawa konsep *barakah* ini adalah satu konsep yang luas di mana ia merentas sektor atau bidang (yakni jasmani dan rohani) dan juga tempoh masa (yakni keberkatan di dalam kehidupan dunia dan keberkatan di alam akhirat).

BARAKAH DALAM KONTEKS EKONOMI DAN ORGANISASI

Di dalam konteks perbincangan kajian ini yang menjurus kepada penjelasan konsep *barakah* dalam konteks semasa yang kemudiannya dihubungkan dengan bidang ekonomi dan tadbir urus, ada beberapa pengkaji telah memberi definisi *barakah* dalam ruang lingkup ini. Antaranya ialah Muhammad Akram (2003:33) di mana beliau mendefinisikan *barakah* sebagai:

"rahmat atau kurnia Ilahi kepada usaha duniawi seseorang individu. Ia merujuk kepada pertambahan secara kualitatif dalam harta seseorang. Konsep ini merujuk kepada rahmat atau pertambahan yang tidak kelihatan namun pada hakikatnya ia wujud hasil daripada tingkah laku dan gelagat ekonomi pelakunya. Antara lain, konsep ini menjelaskan bahawa tingkah laku ekonomi yang bermoral akan menghasilkan pulangan yang lebih tinggi berbanding dengan jangkaan pengiraan keuntungan yang berdasarkan kepada pengiraan yang mengambilkira faktor material semata-mata.

Bagi menjelaskan lagi penerangan definisi yang dicadangkannya, Muhammad Akram memberi contoh tentang sedekah atau *infÉq*. Dalam hal ini, berbelanja pada jalan Allah SWT tidak akan mengurangkan harta seseorang. Sebaliknya harta tadi akan berkembang kerana mendapat keberkatan Allah SWT. Di sini jelas wujud satu korelasi yang positif di antara akhlak dengan kejayaan/kemakmuran seseorang. Situasi ini sebenarnya merupakan satu bentuk galakan kepada orang Islam untuk melakukan yang terbaik (yakni bukan sekadar melakukan yang minimum) dalam memenuhi suruhan Syariah demi mendapat perkenan Allah SWT. Seterusnya Muhammad Akram menjelaskan kesan yang

sebaliknya akan menimpa seseorang sekiranya dia tidak berakhlak mulia dalam proses-proses memperoleh, memiliki dan membelanjakan hartanya. Kesan yang dimaksudkan ialah tingkahlaku yang tidak elok akan menghapuskan keberkatan yang ada pada harta yang dimiliki seseorang.

Bagi Iqbal dan Mirakhor (2011:51-52) pula, *barakah* adalah satu bentuk sistem insentif yang ada dalam Islam. Ia bertindak sebagai dorongan material (*material inducement*) kepada seseorang individu untuk berkelakuan sebagaimana yang dianjurkan oleh Syariah dalam kehidupan hariannya. Sepertimana juga Muhammad Akram, Iqbal dan Mirakhor berpandangan bahawa konsep *barakah* ini merujuk kepada sesuatu yang tidak nampak (*invisible*) tetapi material.

Dengan kata lain dalam konteks ekonomi dan pengurusan, *barakah* yang merujuk kepada peningkatan yang tidak disedari dan tidak kelihatan ke atas sumber dan hasil pengeluaran yang berlaku dengan kehendak Allah SWT (Muhammad Akram, 2003). Ia adalah satu struktur insentif dan sejenis mekanisme yang wujud dengan sendiri yang dijanjikan oleh Allah SWT kepada komuniti yang patuh kepada ajaran Islam.

Dalam keadaan normal, undang-undang peningkatan berfungsi secara kuantitatif. Sebagai contoh, jika kita meningkatkan satu faktor pengeluaran, kita boleh secara kuantitatif menganggap bahawa ia akan menyumbang kepada tahap tertentu kenaikan produktiviti. Walau bagaimanapun dalam konsep *barakah*, undang-undang peningkatan seolah-olah berfungsi secara kualitatif dan dalam beberapa kes tertentu, sesuatu sumber yang pada dasarnya sedikit (tidak mencukupi) akhirnya cukup untuk memenuhi keperluan manusia.

PATUH SYARIAH SEBAGAI PRA SYARAT KEBERKATAN

Pematuhan peraturan adalah salah satu sifat tadbir urus yang baik. Di dalam dunia korporat, pematuhan terhadap piawaian tertentu atau keperluan industri adalah prasyarat bagi organisasi untuk meneruskan kelangsungan organisasi dan kekal kompetitif pada tahun-tahun mendatang.

Struktur organisasi sebenarnya menyerupai struktur komuniti di mana ia terdiri daripada ahli-ahli (yakni pihak pekerja) dan juga pemimpin (pihak pengurusan). Jadi sama seperti komuniti, keberkatan juga boleh wujud atau terhasil di dalam organisasi. Di samping itu juga, sama seperti individu, pra syarat utama yang perlu diikuti ialah kepatuhan kepada Syariah dan ajaran Islam.

Dalam hal ini, jika sesebuah organisasi itu inginkan keberkatan dalam setiap objektif yang disasarkan, pihak pengurusan serta warga kerjanya perlulah memastikan sistem pengurusan dan pentadbiran yang digunapakai adalah berpandukan kepada Syariah.

Bagi menguatkan lagi bahawa kepatuhan ada kaitan dengan kebaikan dalam kehidupan, al-Quran turut menjelaskan juga bahawa kesejahteraan masyarakat turut bergantung kepada tahap keberkatan yang mereka perolehi daripada Allah SWT. Di dalam surah al-AñrÉf ayat ke-96, Allah SWT menerangkan dua kesan yang berbeza yang bakal diperolehi oleh sesebuah komuniti.

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ آمَنُوا وَأَتَقُوا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ
السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٩٦﴾

Dan (Tuhan berfirman lagi): Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan. (Al-AñrÉf, 7:96)

Pada dasarnya ayat di atas menerangkan tentang dua senario yang berbeza yang boleh membawa dua keputusan yang berbeza untuk masyarakat. Di satu pihak, ayat ini menyentuh tentang konsep *barakah* yang menanti *ahl al-Qura* sekiranya mereka sentiasa mematuhi undang-undang yang ditetapkan oleh Allah SWT. Di sisi yang lain pula, ia juga memberi amaran akan kesan buruk yang menimpa mereka yang menolak peraturan Allah SWT.

Hamka (1993) dalam mentafsirkan ayat ini menyatakan bahawa sekiranya kita hidup dalam keadaan beriman dan bertaqwa kerana ingin mendapatkan syurga Allah SWT di akhirat, kita pada masa yang sama akan beroleh berkat yang melimpah ruah di dunia. Menurut Hamka lagi kemakmuran ekonomi ada kaitan dengan kemakmuran iman. Begitupun walau banyak mana sekalipun kekayaan yang dapat dikumpulkan oleh manusia, ia tidak akan membawa berkat sekiranya manusia tadi tidak mempunyai iman dan taqwa di dalam jiwa.

Perkataan *barakah* di dalam ayat di atas merujuk kepada satu sistem insentif yang ada dalam Islam yang mendorong seseorang individu untuk mengikuti panduan atau jalan yang digariskan oleh agama. Ia merujuk kepada satu bentuk rahmat "yang tidak kelihatan tetapi wujud" di mana ia dianugerahkan kepada mereka yang melakukan amal solih dan patuh kepada suruhan agama (Iqbal & Mirakhor, 2011).

Apa yang dapat diistinbat daripada ayat di atas ini juga ialah menerusi pematuhan kepada standard halal, organisasi mampu menghasilkan produk dan perkhidmatan yang mempunyai ciri-ciri yang terbaik dan memenuhi jangkaan priori pelanggan. Dengan perancangan yang cekap, bukan sahaja mereka membantu meningkatkan produktiviti dan kualiti; tetapi juga membantu perniagaan untuk mengurangkan kos dengan mengurangkan sisa dan mengurangkan kos perolehan.

Ringkasnya, iman dan taqwa adalah pra syarat utama untuk mendapatkan keberkatan Allah SWT dan keduanya mampu untuk membawa perubahan dalam tingkah laku manusia terutamanya dari segi mematuhi panduan agama. Iman dan taqwa juga mendorong manusia untuk menjadi sederhana, adil dan menyayangi orang lain. Apabila manusia patuh kepada ajaran agama, secara tidak langsung mereka tidak melakukan perkara-perkara yang boleh mendatangkan risiko baik kepada diri mahupun institusi di mana mereka bekerja. Seterusnya melalui

kepatuhan juga mereka dapat menjauhi diri dan institusi daripada menerima risiko atau kemudaratan yang bakal diturunkan oleh Allah SWT sebagai balasan kepada ketidakpatuhan yang dilakukan.

STANDARD HALAL

Latar Belakang Pembangunan Standard Halal

Orang yang bertanggungjawab mencetus idea pembangunan standard halal di Malaysia ialah Tun Ahmad Sarji Bin Abdul Hamid. Beliau merupakan bekas Ketua Setiausaha Negara daripada 1990-1996. Selain itu beliau juga turut pernah menjawat beberapa jawatan utama di dalam beberapa institusi kerajaan dan korporat termasuklah Permodalan Nasional Berhad (PNB), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan SIRIM Berhad [Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Standard & Industrial Research Institute of Malaysia)].

Tun Ahmad Sarji dilantik menjadi pengerusi SIRIM pada 1 April 1992 sehingga 31 Ogos 2000 (Lim, 2008:172-174). Semasa memegang jawatan ini, beliau telah mengambil kesempatan untuk memajukan idea penubuhan Jawatankuasa Standard Industri bagi Halal (Industry Standards Committee on Halal Standards atau ISC I). Rentetan cadangan beliau ini, pada 18 Februari 2003, Majlis Standard dan Akreditasi Malaysia [Malaysian Standards and Accreditation Council (MSDAM)] meluluskan penubuhan ISC I (Zainorni, 2004).

Standard halal pertama yang dihasilkan ialah MS 1500:2004 Halal Food - Production, Preparation, Handling And Storage – General Guidelines (First Revision) yang dilancarkan pada 16 Ogos 2004 (Mariam, 2008). Manakala standard halal kedua yang dihasilkan pula ialah MS 1900:2005 - Quality Management System-Requirements from Islamic Perspective di mana program perintis pensijilannya dilancarkan pada 8 September 2006 (Ahmad Sarji, 2006).

Sehingga 28 Februari 2018, JSM menerusi Jawatankuasa Standard Industri bagi Halal (Industry Standards Committee on Halal Standards atau ISC I) yang terdiri daripada 3 jawatankuasa teknikal [technical committee (TC)] iaitu *Technical Committee on Halal Food and Islamic Consumer (TC/I/1)*, *Technical Committee on Management Systems from Islamic Perspectives (TC/I/2)* dan *Technical Committee on Halal Pharmaceutical (TC/I/3)* telah membangun dan menerbitkan sebanyak 23 standard halal (Ridzwan, 2018). *Sila rujuk lampiran 1 untuk senarai penuh standard halal.*

Falsafah Gagasan Standard Halal

Dalam satu temuramah yang dibuat oleh Bernama, Tun Ahmad Sarji menyatakan idea menubuhkan ISC I terbit daripada pemerhatian beliau terhadap suasana yang berlaku dalam dunia pengurusan awam dan korporat sepanjang beliau memegang beberapa jawatan penting negara. Salah satu daripada pemerhatian beliau itu ialah masalah kualiti dan mutu kerja berikutan ketiadaan satu piawaian Islam yang boleh dijadikan panduan oleh sesebuah organisasi bagi mengukur kecekapan dan keberkesanan aktiviti yang dijalankannya. Di samping itu juga, organisasi-organisasi ini berhadapan dengan isu-isu tadbir urus yang baik di mana masalah ketelusan,

rasuah, kurang iltizam kerja, tidak menjaga kebajikan pemegang taruh dan sebagainya (Rohana, 2008).

Justeru beliau berpandangan bahawa usaha untuk membangunkan satu piawaian Islam adalah satu keperluan yang mendesak bagi digunapakai oleh pihak industri dan penyedia perkhidmatan awam dan swasta. Selain itu juga berdasarkan kepada pengamatan beliau semasa menjadi Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan Pengerusi Lembaga Perindustrian Malaysia (MIDA) pada 1986, beliau berpegang kepada prinsip bahawa untuk meningkatkan daya saing, syarikat-syarikat perlu memastikan piawaian produk dan perkhidmatan serta pengurusan berada pada tahap yang tinggi (Rohana, 2008).

Satu perkara yang perlu diberi perhatian di sini ialah walaupun Tun Ahmad Sarji sedar bahawa sudah banyak syarikat yang mematuhi piawai atau standard ISO, namun bagi beliau daya saing ini dapat ditingkatkan lagi sekiranya nilai-nilai Islam dimasukkan ke dalam piawaian-piawaian yang sedia ada ini. Ini bukan bermaksud pensijilan ISO yang sedia ada itu tidak bagus. Akan tetapi standard-standard ISO ini tidak begitu sempurna untuk digunapakai oleh organisasi Islam atau organisasi yang majoriti pekerja atau pelanggannya yang terdiri daripada masyarakat Islam kerana ia tidak memberi penekanan kepada aspek halal-haram dalam proses pengeluaran serta keperluan untuk melaksanakan tanggungjawab agama (Ahmad Sarji, 2007; 2006a, 2006b).

Sebagai contoh ISO 9001 tidak memberi penekanan kepada aspek halal-haram dalam proses pengeluaran serta keperluan untuk melaksanakan tanggungjawab agama. Akan tetapi di dalam MS 1900 (yang merupakan versi Islam untuk ISO 9001), perkara ini dinyatakan dengan jelas sekali di mana organisasi perlu mengenalpasti prosedur-prosedur tertentu bagi memastikannya mematuhi keperluan syariah. Begitu juga dengan pengwujudan jawatan pegawai penasihat syariah yang bertanggungjawab untuk mengawasi dan memastikan keperluan yang digariskan syariah dipatuhi dan diamalkan di dalam organisasi. Begitu juga dengan kemudahan infrastruktur untuk kakitangan beragama Islam untuk beribadat, kemudahan kantin yang menyediakan makanan halal dan sebagainya; di mana syarikat perlu memastikan kemudahan ini disediakan kepada kakitangan mereka yang beragama Islam. Manakala produk yang dikeluarkan perlulah halal dan suci dan selamat serta memenuhi kepuasan pelanggan sebagaimana yang ditetapkan oleh syarak.

Jelasnya di sini, walaupun menggunakan kerangka ISO, standard-standard halal yang dibangunkan oleh JSM adalah tidak lari daripada pandangan alam Islam kerana ia mengunapakai prinsip-prinsip Syariah sebagai syarat pensijilan. Di samping itu bagi memastikan sesebuah institusi itu mematuhi keperluan-keperluan yang digariskan oleh dokumen standard, ia perlu diaudit oleh badan pensijilan bebas yang dilantik.

Manfaat Standard Halal MS 1900

MS 1900 adalah versi Islam kepada standard ISO yang paling banyak digunapakai oleh organisasi merentas industri dan latar belakang iaitu ISO 9001. Walaupun sudah ada standard yang diiktiraf dengan baik dan mantap untuk sistem pengurusan kualiti iaitu ISO 9001, namun ia tidak menggabungkan aspek tertentu syariah yang menjadi perhatian masyarakat Islam. Dibangunkan dengan menggunakan kerangka ISO 9001:2000 dan ditambah keperluan-keperluan Syariah bagi menjadikannya lebih bersesuaian dengan kehendak ajaran agama Islam, MS 1900:2005 merupakan yang pertama seumpamanya di dunia. Matlamat utama di sebalik usaha mewujudkan piawaian ini pula ialah untuk menggalak dan menyubur amalan nilai-nilai murni Islam di dalam sistem pengurusan kualiti syarikat atau pertubuhan di negara ini (Muhammad Hisyam, 2014:98). Seterusnya menerusi penghayatan dan pengamalan nilai-nilai murni dalam sistem pengurusan dan pentadbiran sesebuah organisasi, mutu dan prestasi syarikat dapat ditingkatkan agar selaras dengan matlamat-matlamat perundangan yang dibawa oleh ajaran agama Islam itu sendiri.

Versi pertamanya dikenali sebagai MS 1900:2005. Ia kemudiannya disemak pada tahun 2014 dan ia telah dibatalkan dan digantikan dengan MS 1900:2014. Walaupun versi 2005 dibatalkan dan diganti dengan versi 2014, versi yang baru ini sebenarnya masih mengekalkan kebanyakan isi kandungan versi yang terdahulu. Secara amnya terdapat lima (5) perubahan besar yang dilakukan ke atas versi lama (Jabatan Standards Malaysia, 2014) yang seterusnya membawa kepada pengenalan versi 2014 iaitu:

- I. Perubahan tajuk di mana ia telah ditukar daripada Sistem Pengurusan Kualiti-Keperluan Dari Perspektif Islam (Quality Management Systems Requirements from Islamic Perspectives) kepada Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan Syariah-Keperluan dengan Panduan (Semakan Pertama) (*Shariah-based quality management systems-Requirements with guidance (First Revision)*)
- II. Unsur-unsur dan keperluan Syariah yang dahulunya diletakkan di dalam petak teks telah dikeluarkan dan dijadikan sebagai sebahagian daripada teks dokumen;
- III. Pengenalan keperluan titik kawalan kritikal Syariah dalam proses dan aktiviti organisasi;
- IV. Pengenalan pengurusan nilai organisasi;
- V. Pengenalan lampiran panduan penggunaan standard ini.

(Terjemahan MS 1900:2014 ada diterbitkan oleh pihak Standard Malaysia pada 2015 dan ia dikenali sebagai MS 1900:2015 Sistem pengurusan kualiti berasaskan Syariah-Keperluan bersama panduan (Semakan Pertama).

Sejak dilancarkan menerusi program perintis pada 2006 sehingga Disember 2017, sebanyak 33 institusi telah mendapat pensijilan MS 1900 ini. *Sila rujuk lampiran 2 untuk senarai syarikat tersebut.*

Setakat ini kebanyakan kajian yang berkaitan dengan MS 1900 lebih menumpukan kepada aspek cabaran dan permasalahan yang dihadapi dalam proses pelaksanaan pensijilan di dalam institusi.

Khadijah (2013) dalam kajiannya sebagai contoh hanya memberi gambaran ringkas tentang falsafah dan nilai-nilai yang terkandung di sebalik sistem pengurusan kualiti Islam yang menjadi teras kepada pembangunan MS 1900:2005. Ummi Salwa *et al.* (2012) pula dalam kajian hanya mengemukakan satu kerangka konseptual yang menurut beliau boleh membantu dalam memahami persoalan tentang mengapa dan bagaimana organisasi merancang strategi untuk mendapatkan MS 1900:2005 dan seterusnya meransang pertumbuhan perniagaan yang dijalankan. Hasan *et al.* (2014) dan Hasliza *et al.* (2015) pula menyelidik tentang cabaran yang di hadapi oleh institusi yang ingin melaksanakan MS 1900. Hasan yang menjalankan kajian tentang cabaran pelaksanaan MS 1900 di institusi pengajian tinggi awam dan swasta sebagai contoh mendapati isu-isu yang berkaitan dengan sikap, bebanan tugas, kekurangan latihan dan kekurangan sumber kewangan merupakan isu-isu yang menghalang kelancaran pelaksanaan sistem pengurusan kualiti di institusi-institusi yang dikajinya.

Cabaran yang berkaitan dengan masalah untuk menentukan skop Syariah bagi pensijilan; kekurangan kakitangan dan usaha untuk mengekalkan pensijilan yang diterima merupakan tiga cabaran yang ditemui oleh Hasliza (2015) ketika menjalankan kajiannya di Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR).

Kesimpulan yang dapat dinyatakan di sini ialah kajian-kajian tentang MS 1900:2005 yang dibuat oleh para pengkaji di antara 2012 hingga 2015 hanya menyentuh tentang gambaran am serta strategi dan cabaran dalam proses pelaksanaan standard ini di dalam beberapa institusi yang tertentu sahaja.

Memandangkan MS 1900 ini menggunakan kerangka ISO 9001, jadi kajian ini mengandaikan kebaikan penggunaan standard ini kepada pihak industri boleh dianggap sama dengan manfaat dan kebaikan yang dihasilkan oleh ISO 9001. Manfaat-manfaat tersebut termasuklah peningkatan kualiti produk; peningkatan tentang kesedaran tentang kepentingan kualiti; kepuasan pelanggan; peningkatan dalam persaingan; peningkatan kecekapan dan keberkesanan; peningkatan dalam prosedur kerja dan lain-lain (Tari *et.al*, 2012; Lushi *et al*, 2016).

Cumanya di sini kita boleh mengatakan bahawa kebaikan yang diperolehi oleh organisasi MS 1900 baik dari segi kualiti produk dan perkhidmatan, kebajikan pemegang taruh dan juga kelangsungan institusi mempunyai unsur barakah kerana ia menggunakan prinsip-prinsip Syariah sebagai keperluan pematuhan. Tambahan pula konsep sistem pengurusan kualiti Islam yang disarankan MS 1900 tidak melihat unsur kebaikan dalam bentuk duniawi semata-mata. Ia merupakan satu pendekatan peningkatan mutu serta prestasi kerja menerusi penghayatan dan amalan nilai-nilai Islami bagi memberi kejayaan yang hakiki (*al-falah*) di dunia dan akhirat. Asas utamanya ialah setiap urusan kerja yang dilakukan walau sekecil mana sekalipun adalah suatu ibadat dengan syarat ia memenuhi kehendak-

kehendak yang digariskan oleh Shariah. Dalam hal ini mereka yang mengamalkan nilai-nilai mulia dalam melakukan kerja yang diamanahkan akan beroleh kebaikan bukan sahaja di dunia malah akan mendapat keredhaan Allah SWT di akhirat kelak (Muhammad Hisyam, 2014:100).

KESIMPULAN

Sesungguhnya kepatuhan kepada hukum Allah SWT merupakan kunci kejayaan dalam kehidupan duniawi dan ukhrawi. Begitu juga dengan kesejahteraan masyarakat. Ia bergantung hebat kepada tahap rahmat dan *barakah* yang dikurniakan Allah SWT. Di dalam al-Quran terdapat lebih 126 ayat yang menjamin bahawa kepatuhan kepada peraturan-peraturan Ilahi akan menjanjikan sesuatu yang terbaik kepada manusia (Mirakhor, 2009:50). Di antaranya ialah firman Allah SWT di dalam Surah As-Sajdah ayat 17:

فَلَا تَعْلَمُ نَفْسٌ مَّا أُخْفِيَ لَهُم مِّن قُرَّةِ أَعْيُنٍ جَزَاءً بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Maka tidak ada seseorang pun yang mengetahui akan apa yang telah dirahsiakan untuk mereka yang amat indah dipandang dan menggembirakan, sebagai balasan bagi amal-amal soleh yang mereka telah kerjakan. (al-Sajdah, 32:17)

Oleh yang demikian juga, pematuhan kepada prinsip-prinsip yang bersumberkan kepada al-Quran dan al-Sunnah sudah semestinya akan turut menghasilkan keberkatan dan kesan yang baik kepada sesebuah organisasi sama ada dari segi prestasi mahupun dari segi pengurusan risiko di dalam persekitaran kerja.

Walaupun artikel ini bersifat konseptual, namun ianya menunjukkan hubungan yang positif antara kedua-dua konsep tersebut. Sebagai umat Islam, kita perlu percaya bahawa konsep berkat itu ada dan ia bergantung kepada tahap keimanan dan ketaqwaan manusia kepada Allah SWT.

Oleh itu, untuk kajian yang akan datang, dicadangkan agar kajian dalam bentuk empirikal dibuat dalam konteks mengenalpasti hubungan korelasi antara patuh Syariah dan konsep keberkatan atau barakah ini dengan melibatkan kajian lapangan di organisasi-organisasi yang mendapat pensijilan MS 1900. Antara data dan maklumat yang perlu dilihat untuk menyokong korelasi ini ialah dengan prestasi kewangan dan bukan kewangan organisasi. Ini termasuklah maklumat-maklumat yang berkaitan dengan prestasi kewangan, tahap produktiviti, imej institusi, tahap pengurusan risiko, kebajikan pemegang taruh seperti pelanggan, pemegang saham dan juga alam sekitar.

Penghargaan: Artikel ini merupakan sebahagian daripada hasil ouput kajian tesis.

RUJUKAN

- Abbas Mirakhor. 2009. *Islamic Economics and Finance: An Institutional Perspective*. IUM Journal of Economics and Management. Vol. 17, no.1. Kuala Lumpur: IUM Press.
- Ahmad Sarji Abdul Hamid. Teks ucapan di dalam AIM Asian Business Conference, Asian Institute of Management, Manila, Filipina. 1 Mac 2007.
- Ahmad Sarji Abdul Hamid. Teks ucapan di dalam majlis pelancaran Program Perintis bagi skim pensijilan MS 1900:2005 di SIRIM Berhad, Shah Alam. 8 September 2006.
- Ahmad Sarji Abdul Hamid. 2006. Teks ucap utama di dalam Seminar Agenda Pembangunan Ummah Semasa anjuran bersama Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan Universiti Andalas di Universiti Andalas, Padang, Sumatera. 5 Jun 2006.
- Arbain Sarion, Ummi Salwa Abdul Rahman & Amir Shaharudin. 2014. *Towards MS 1900:2014 Quality Management System from Islamic Perspective: A Case Study at MACS*. International Journal of Islamic and Civilizational Studies. Vol.2, no.1. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Atikullah Abdullah. 2014. *Dimensi Konsep dan Praktis Barakah Sebagai Faktor Tersembunyi Untuk Kelestarian Sosioekonomi Umat Islam*. Afkar, Edisi Khas. Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Baalbaki, R. 1997. *Al Mawrid: A modern Arabic-English Dictionary*. 10th edition. Beirut: Dar El-Ilm Lilmalayin.
- Department of Standard Malaysia. 2005. *MS 1900:2005 Quality Management Systems-Requirements from Islamic Perspectives*. Putrajaya: Department of Standards Malaysia.
- Department of Standard Malaysia. 2014. *MS 1900:2014 Shariah-Based Quality Management Systems-Requirements with Guidance (First revision)*. Cyberjaya: Department of Standards Malaysia.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2004. *Kamus Dewan Edisi Ke-4*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2012. *Kamus Melayu Melayu Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamka, Abdul Malik Abdul Karim Amrullah. 1993. *Tafsir al-Azhar (Jld. 4)*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Hasliza Mohamad Ali, Siti Arni Basir & Musaiyadah Ahmadun. 2015. *The Issue of Implementing Islamic Quality Management System MS 1900:2005 Certification at the Department of Awwaqaf, Zakat and Haji*. Online Journal of Research in Islamic Studies. Vol.2, no 1. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/RIS/article/view/9890> (diakses pada 20 Ogos 2018).

- Mohamed Hassan Al-Banna, Ab.Mumin Ab.Ghani, & Siti Arni Basir. 2014. *Sistem Pengurusan Kualiti Menurut Perspektif Islam MS 1900 di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia: Satu Cabaran Masa Kini*. GJAT, Vol.4, Issue 2. Kuala Kangsar: Universiti Sultan Azlan Shah.
- Mohamed Hassan Al-Banna, Ab Mumin Ab.Ghani & Siti Arni Basir. 2014. *A Qualitative Study on the Challenges in Islamic Quality Management System (MS 1900:2005): Implementation within Malaysia's Public Higher Education Institution (MPHEI)*. Prosiding International Conference on Advances in Social Sciences, Economics and Management Study. London: University of Westminster.
- Hossein Askari et al. 2014. *Understanding Development in an Islamic framework*. Islamic Economics Studies, Vol.22. No.1. Jeddah: Islamic Research and Training Institute.
- Ibn Manzur, Abu Al-Fadl Jamaluddin Muhammad bin Mukarram. 1990. *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar al-Sadir.
- ImÉm ×ÉfiÐ Abu DÉwÈd SulaimÉn bin AshÑath. 2008. *Sunan Abi DÉwÈd*, Jld 4, terj. Nasiruddin al-Khattab. Riyadh: Dar al-SalÉm.
- Zamir Iqbal & Abbas Mirakhor. 2013. *Economic Development and Islamic Finance - Directions in Development*. Washington, DC: World Bank.
- Isuf Lushi, Ana Mane, Ilir Kapaj & Remzi Keco. 2016. *A Literature Review on ISO 9001 Standards*. European Journal of Business, Economics and Accountancy. Vol 4, no.2. United Kingdom: Progressive Academic Publishing.
- Khadijah Othman. 2013. *A Brief Overview on Islamic Compliance Quality Management System*. International Journal of Management Sciences and Business Research Vol.2, Issue 12.
- Lim Chang Moh. 2008. *Ahmad Sarji-Attaining Eminence*. Kuala Lumpur: MPH Group Publishing Sdn. Bhd.
- Mariam Abdul Latif. *MS 1500:2004*. Slaid pembentangan dalam CCM Halal Awareness Seminar anjuran Chemical Company of Malaysia, di MATRADE, Kuala Lumpur. 16 Disember 2008.
- Mohamad Akram Laldin. 2008. *Introduction to Shari'ah & Islamic Jurisprudence*, ed.ke-2. Kuala Lumpur: CERT Publications Sdn Bhd.
- Muhammad Akram Khan. 2003. *Islamic Economics and Finance: A Glossary, Edisi Ke-2*. London: Routledge.
- Muhammad Hassan Al-Hamsi. 1984. *Tafsir wa Bayan ma'a Asbab al-Nuzul li al-Sayuti ma'a Faharis Kamilah lil al-Mawadi' wa al-Alfaz*. Damsyiq: Dar Al-Rasyid.
- Muhammad Hisyam Mohamad & Fadillah Mansor. 2016. Patuh Syariah dan Kesannya Ke atas Pengurusan Organisasi: Satu Kajian Awal. Dlm Luqman Abdullah et al (ed.), *Maqasid Al-Syariah-Aplikasi dalam Aspek Muamalat dan Kehartaan* (231-244). Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Muhammad Hisyam Mohamad. 2014. Piawaian Halal Sistem Pengurusan Kualiti Pemangkin Kepada Peningkatan Pencapaian Syarikat. Dlm, Muhammad

- Hisyam Mohamad (ed.), *Paradigma Ekonomi dan Integriti-Sudut Pandang Islam* (97-100). Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Al-Raghib al-Isfahani, Abu al-Qasim al-Husain ibn Muhammad. t.t. *Al-Mufradat fi al-Raghib al-Quran*. Mesir: Maktabah Nazar Mustafa al-Baz.
- Ridzwan Kasim. *An Update on Malaysian Standards on Halal*. Slaid pembentangan dalam 9th Halal Certification Bodies Convention, anjuran JAKIM di Le Meridien Hotel, Putrajaya. 1 April 2018.
- Rohana Mustaffa. *MS 1900:2005-Piawaian Halal Sistem Pengurusan Kualiti*. Bernama. Dicapai daripada <http://kpdnkk.bernama.com/newsBm.php?id=367533&> (diakses pada 8 Ogos 2018).
- Serdar Demiral & Hikmatullah Babu Sahib. 2015. *Concept of Barakah in Quran and Sunnah: Towards its Realization in Modern Discourse*. Journal of Humanities and Social Sciences. No.5. Turki: Fatih Sultan Mehmet Vakıf Üniversitesi.
- Sharifah Faizah. Marketing and Customer Experience Section of SIRIM QAS. 6 Disember 2017.
- Al-Shatibi, Abu Ishaq Ibrahim b. Musa b. Muhammad al-Lakhmi. 1997. *Al-Muwafaqat*. Al-Khobar: Dar Ibn al-Affan.
- Al-Shatibi, Ibrahim ibn Musa Abu Ishaq. 2011. *The Reconciliation of The Fundamentals of Islamic Law: Al-Muwafaqat fi Usul al-Shari'ah*, ter. Imran Ahsan Khan Nyazee. Reading, UK: Garnet Publishing Limited.
- Siti Arni Basir & Ilhaamie Abd.Ghani Azmi. 2011. *Malaysian Islamic Quality Management System MS 1900 from an Islamic Perspective: An Implementation Model*. Jurnal Syariah, Jil.19, Bil.2. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Tari, J.J., Molina-Azorin, J.F., & Heras, Inaki. 2012. *Benefits of ISO 9001 and ISO 14002 Standards: A Literature Review*. Journal of Industrial Engineering and Management. Vol. 5, no.2. Barcelona: Omnia Science.
- Ummi Salwa Abdul Rahman, Arbain Sarion & Amir Sharudin. *The Implementation of MS 1900:2005: A Case Study at SIRIM Berhad*. Kertas kerja yang dibentangkan di 7th Qualitative Research Conference, Shah Alam. 22-23 November 2013.
- Ummi Salwa Ahmad Bustaman, Amir Shahrudin, Zainal Abidin Mohamed & Juwairiyah Aini Ahmad Bustaman. *Crafting Strategy towards the Shariah Compliant Quality Standard: A Conceptual Framework*. Kertas kerja yang dibentangkan di 5th Islamic Banking, Accounting and Finance (IBAF) Conference, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). 2-3 Oktober 2012.
- Zainorni, M.J. 2004, Julai-Ogos 2004. *Industry Standards Committee on Halal Standards (ISC I)*. Standards and Quality News, 10-11. Shah Alam, Selangor, Malaysia: SIRIM Berhad.
- Zamir Iqbal dan Abbas Mirakhor. 2011. *An Introduction to Islamic Finance-Theory and Practice*. Singapore: John Wiley & Sons (Asia) Pte.Ltd.

Lampiran 1

Senarai Standard Halal [Malaysian Standard (MS)] (Sehingga 28 Februari 2018)

1. **MS 1500:2009** (E & M), Halal Food -Production, preparation, handling and storage -General guidelines (Second revision)
2. **MS 2424:2012** (E & M) Halal pharmaceuticals -general guidelines
3. **MS 2200-1:2008** (E & M), Islamic consumer goods -Part 1: Cosmetic and personal care -General guidelines
4. **MS 2200-2:2012** (E & M) -Islamic Consumer Goods -Part 2: Usage of Animal Bone, Skin and Hair -General guidelines
5. **MS 2400-1:2010** (E&M),Halalan-ToyyibanAssurance Pipeline -Management System Requirements For Transportation Of Goods and/or Cargo Chain Services
6. **MS 2400-2:2010** (E&M), Halalan-ToyyibanAssurance Pipeline -Management System Requirements For Warehousing And Related Activities
7. **MS 2400-3:2010** (E&M), Halalan-ToyyibanAssurance Pipeline -Management System Requirements For Retailing
8. **MS 1900:2005** Quality management systems -requirements from Islamic perspectives
9. **MS 1900:2014** (E&M), Shariah-based quality management systems - Requirements with guidance(First revision)
10. **MS 2300:2009**, Value-based management system -Requirements from an Islamic perspective
11. **MS 2393: 2013**, Islamic and halal principles -Definitions and interpretations on terminology
12. **MS 2565:2014**, Halal packaging-General Guidelines
13. **MS 2594:2015**, Halal chemicals for use in potable water treatment -General guidelines
14. **MS 2610:2015**, Muslim friendly hospitality services –Requirements
15. **MS 2627:2017** -Detection of porcine DNA -Test method - Food and food products

Lampiran 2

Senarai Syarikat Yang Mendapat Pensijilan MS 1900 (Sehingga Disember 2017)

1. Hospital Pakar Annur Hasanah Sdn. Bhd.
2. Jabatan Agama Islam Melaka.
3. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang.
4. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan.
5. Jabatan Kehakiman Syariah Perak.
6. Jabatan Kehakiman Syariah Selangor.
7. Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

8. Juwara Resources & Trading (M) Sdn. Bhd.
9. Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan.
10. Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS).
11. Kolej Komuniti Gerik - Kementerian Pendidikan Malaysia.
12. Lembaga Urus Air Selangor (LUAS).
13. Mahkamah Syariah Negeri Melaka.
14. Majlis Agama Islam Melaka.
15. Majlis Agama Islam Selangor.
16. Malaysia Airports Consultancy Services Sdn Bhd.
17. Malaysian Electronic Payment System Sdn Bhd.
18. Natural Wellness Holdings (M) Sdn Bhd.
19. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Selangor Darul Ehsan.
20. PNB Darby Park Executive Suites.
21. PNB Ilham Resort (ILHAM).
22. Hotel Perdana Kota Bharu.
23. Politeknik Metro Johor Bahru.
24. Pusat Kutipan Zakat Pahang.
25. Pusat Zakat Melaka.
26. QSR Stores Sdn. Bhd.
27. Royce Pharma Manufacturing Sdn.Bhd.
28. Tabung Baitulmal Sarawak.
29. Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.
30. Universiti Tenaga Nasional.
31. Upstream Downstream Services Sdn. Bhd.
32. Jabatan Pembangunan Dan Pengurusan Fasiliti, Universiti Sains Islam Malaysia.
33. USM Tissue Bank, School Of Medical Sciences, Health Campus, Universiti Sains Malaysia.